

Pemimpin Umno skeptik dengan cadangan Anwar untuk berbincang
Malaysian Insider
Aug 30 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Pemimpin-pemimpin Umno skeptik dengan cadangan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim agar Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) berbincang dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Mukhriz Mahathir (gambar) mempersoalkan motif Anwar untuk menggesa perbincangan diantara dua gabungan politik yang bertelagah itu.

"Beliau mahu bercakap mengenai rundingan perpaduan setelah kalah pilihan raya lalu dan juga kalah dimahkamah apabila mengemukakan petisyen.

"Ia jelas membuktikan beliau tiada kredibiliti langsung apabila membangkingkan dialog perpaduan ini sekarang, dia sepatutnya membentangkan perkara ini di Parlimen," kata Menteri Besar Kedah itu apabila ditemui di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Ketua Puteri Umno, Datuk Rosnah Abdul Rashid juga bersetuju dengan Mukhriz mengatakan cadangan itu harus dibentangkan di parlimen.

Sementara Datuk Seri Hishammuddin Hussein mengesahkan mesyuarat MT yang berlangsung sebentar tadi membincangkan cadangan Anwar.

Menurut Naib Presiden Umno itu, persetujuan dicapai berhubung cadangan Anwar akan tetapi hanya Datuk Seri Najib Razak yang layak mengumumkannya.

"Persetujuan bersama diperolehi berkenaan rundingan perpaduan tetapi bukan saya yang mengumumkannya," kata Hishamuddin.

Terdahulu Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menyifatkan hasrat Anwar untuk mengadakan pertemuan bagi memulakan rundingan adalah sebagai satu tindakan terdesak.

"Dialog rundingan ini telah lama ditawarkan oleh perdana menteri kita namun mereka mengendahkan dan tetap berdegil untuk meneruskan dengan di mahkamah failkan petisyen bagi keputusan pilihan raya.

"Apabila mahkamah menolak mereka teruskan dengan perhimpunan bodoh jadi inilah yang dilakukan seolah-olah beliau pula yang menyatukan rundingan ini," katanya dalam satu sidang media dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Umno di PWTC pagi ini.

Anwar dalam perutusan sempena Hari Kemerdekaan negara ke-56 menyatakan kesediaan untuk bertemu dengan kerajaan bagi menyelesaikan masalah negara. – 30 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-umno-skeptik-dengan-cadangan-anwar-untuk-berbincang>

